

**Untuk Siaran Segera**

**Pertandingan Kid Witness News Peringkat Kebangsaan 2011  
Anugerah Utama Dimenangi Oleh  
Sekolah Dato' Abdul Razak Seremban, Negeri Sembilan**

**Subang Jaya, 19 September 2011** –Dua belas video terpilih untuk ke peringkat akhir daripada 20 video yang di senarai pendek dari 37 buah sekolah seluruh negara yang menyertai Pertandingan Panasonic Kid Witness News (KWN) Peringkat Kebangsaan 2011.

Sekolah Dato' Abdul Razak Seremban, Negeri Sembilan memenangi Anugerah Utama dengan hasil kerja mereka yang bertajuk "The Factory Chicken".

"The Factory Chicken" ialah sebuah dokumentari mengenai ayam kilang di zaman moden. Video ini menunjukkan bagaimana cara moden menternak ayam mempunyai impak yang besar terhadap alam sekitar. Beribu-ribu ayam ditenak di kilang sedangkan hanya beberapa ratus ekor ayam di ternak di ladang-ladang terbuka yang jauh lebih besar daripada kilang. Kilang-kilang "moden" kotor menyebabkan kawasan sekitarnya dihurung lalat, mempunyai longkang tersumbat dan berbau busuk. Orang ramai tidak sedar yang mereka mungkin membayar harga yang murah untuk ayam tetapi harga yang mahal untuk alam sekitar dan kesihatan mereka. Kita tidak tahu sejauh mana kesan negatif yang terpaksa dilalui oleh generasi yang akan datang kesan dari ladang kilang ini.

Menurut juri kebangsaan, pelukis dan aktivis pendidikan Normah Nordin, Artis & Aktivis Pendidikan, video tersebut telah menyampaikan mesej yang kuat dengan bijak dan berkesan dan memberikan tanggapan berkekalan tentang kesedaran alam sekitar kepada penonton. Hasil kerja video adalah ringkas tetapi berkesan.

KWN adalah sebuah program video pendidikan global yang ditunjuk ajar secara langsung (hands-on) dan direka untuk pelajar sekolah rendah dan menengah. Program ini dikendalikan oleh Panasonic sebagai sebahagian daripada usaha untuk mendidik kanak-kanak.

Tahun ini, KWN menyambut tahun Ke-7 sejak program ini bermula pada tahun 2005. Lebih daripada 3500 kanak-kanak daripada 500 buah sekolah di seluruh Malaysia telah menyertai program ini.

Pertandingan KWN Peringkat Kebangsaan tahun ini menyaksikan penyertaan 37 buah sekolah seluruh negara yang berusaha menyediakan video 5 minit berdasarkan tema ekologi dan komunikasi. Video-video ini dihakimi oleh panel hakim yang merupakan pakar dalam bidang pembikinan filem, pendidikan, dan kewartawanan dalam menentukan pemenang Anugerah Utama dan Anugerah Kategori Istimewa.

Berikut adalah senarai pemenang anugerah Pertandingan KWN Peringkat Kebangsaan 2011.

Anugerah	Negeri/Sekolah	Tajuk/Sinopsis
<b>Anugerah Utama</b>	Negeri Sembilan Sek Dato' Abdul Raza Seremban (sekolah menengah)	<b>“The Factory Chicken”</b> “The Factory Chicken” ialah sebuah dokumentari mengenai ayam kilang di zaman moden. Video ini menunjukkan bagaimana cara moden menternak ayam mempunyai impak yang besar terhadap alam sekitar. Beribu-ribu ayam ditenak di kilang sedangkan hanya beberapa ratus ekor ayam di ternak di ladang-ladang terbuka yang jauh lebih besar daripada kilang. Kilang-kilang “moden” kotor menyebabkan kawasan sekitarnya dihurung lalat, mempunyai longkang tersumbat dan berbau busuk. Orang ramai tidak sedar yang mereka mungkin membayar harga yang murah untuk ayam tetapi harga yang mahal untuk alam sekitar dan kesihatan mereka. Kita tidak tahu sejauh mana kesan negatif yang terpaksa dilalui oleh generasi yang akan datang kesan dari ladang kilang ini.

<p><b>Tempat Ke-2</b></p>	<p>Pahang Sek Men Keb Sultan Abu Bakar Kuantan (sekolah menengah)</p>	<p><b>“The Eco Challenge 2011”</b> "The Eco-Friendly Challenge 2011" menggambarkan sebuah rancangan realiti yang dianjurkan oleh Kelab Mesra Alam terkenal SMK Sultan Abu Bakar. Objektif cabaran yang menakjubkan ini adalah untuk memilih calon yang sesuai untuk jawatan presiden. Tema cabaran tahun ini adalah 3R – Reduce (Kurangkan), Reuse (Guna semula) dan Recycle (Kitar Semula). Keenam-enam peserta peringkat akhir adalah pesaing hebat kerana mereka adalah orang yang mempunyai kepercayaan teguh tentang konsep hidup hijau. Cabaran yang dihadapi agak sukar. Pada awalnya, cabaran yang diberikan seolah-olah menguji pengetahuan, kemahiran dan kreativiti calon tetapi sebenarnya, calon yang terpilih adalah seseorang yang mengamalkan apa yang diajar. Akhir kata, video ini adalah informatif dan berfungsi untuk mendidik penonton tentang selok belok kitar semula.</p>
<p><b>Tempat Ke-3</b></p>	<p>Negeri Sembilan Sek Jenis Keb Cina Chung Hua Seremban (sekolah rendah)</p>	<p><b>“Trash Or Cash”</b> Video dokumentari ini menceritakan tentang pengutip surat khabar lama yang kita lihat hampir setiap hari di mana-mana. Mereka datang ke rumah kita untuk mengambil sampah sarap. Sebagai balasan, kita memberi mereka wang. Sebenarnya, banyak barangan di rumah yang boleh dikitar semula. Ini termasuk cebisan kertas, produk plastik dan sisa-e (e-waste). Pengutip surat khabar lama membawa pulang hasil kutipan dan mengasingkannya. Selepas itu, dia menghantar barang-barang untuk di kitar semulake pusat kitar semula. Kertas diasingkan mengikut jenis – cetakan akhbar, kertas putih dan kad bod. Kertas-kertas ini kemudiannya dimampatkan ke dalam bentuk bal sebelum dihantar ke kilang untuk di kitar semula. Bekas plastik juga diasingkan mengikut kumpulan plastik berwarna dan plastik asli. Kita harus memberikan sampah peluang kedua. Kitar semula mewujudkan peluang pekerjaan, menjana pendapatan dan membantu mengekalkan persekitaran yang bersih. Oleh itu, marilah kita mengitar semula untuk masa depan yang lebih baik.</p>
<p><b>Anugerah Khas Videografi</b></p>	<p>Negeri Sembilan Sek Men Keb Bukit Mewah Seremban (secondary school)</p>	<p><b>“The Cart Pusher”</b> Video ini mengisahkan tentang Uncle Chan yang mengutip kad bod dari jalan-jalan dan kedai-kedai. Dia akan menggunakan troli untuk meletakkan kad bod yang dipungut. Duit tidak datang bergolek. Dia memperoleh kira-kira RM5-RM10 sehari dengan mengutip kad bod. Hujan atau panas, dia masih bekerja untuk memenuhi keperluan. Hidup yang sukar bagi seorang lelaki warga emas.</p>

<b>Anugerah Khas Skrip</b>	Negeri Sembilan Sek Men Keb King George V Seremban (secondary school)	<b>“Sang Kelawar’s Home”</b> Video ini mengikuti perjalanan Sang Kelawar, pemimpin kelawar puak Pterrorwings. Rumah batu kapurnya sedang dimusnahkan oleh manusia dan dia harus bertindak cepat untuk mencari rumah baru. Dia terkejut melihat rumahnya sedang diletupkan. Marmar dari bukit sedang ditarah dan disusun tinggi. Kristal yang cantik di dalam gua ditarah keluar dan grafiti ditinggalkan. Sang Kelawar hampir berputus asa apabila dia melihat papan tanda bertulis ‘Tapak Pemuliharaan Gua Gelap’. Gua ini dipelihara dengan baik dan dia tahu koloninya akan selamat di sini. Cerita ini berakhir dengan Sang Kelawar memberitahu manusia untuk memelihara dan mengekalkan kawasan bukit batu kapur
<b>Anugerah Khas Suntingan</b>	Penang Penang Chinese Girls High School (secondary school)	<b>“Barrier Between The Two Worlds”</b> Klip video ini berkisar tentang salah faham di antara ibu bapa dan anak-anak hari ini. Ia bermula dengan Rachel menunggu kepulangan bapanya untuk meraikan hari jadinya dan memberitahunya yang dia telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan seni lukis bertajuk 'keluarga saya'. Sementara menunggu, dia mengenangkan saat-saat gembira sebelum kematian ibunya. Pada jam 12 malam, dia berputus asa dan mengucapkan 'selamat hari lahir' kepada dirinya sendiri di dalam hati. Apabila ayahnya pulang, dia terkejut melihat gambar keluarga yang memaparkan imej pembantu rumah dan pemandu. Penyesalan melanda tetapi ia sudah terlambat untuk memecahkan tembok salah faham.
<b>Anugerah Khas Bunyi</b>	Johor Sek Men Keb Sri Kukup Pontian (secondary school)	<b>“Symbiotic Rhythm”</b> Klip video ini mengisahkan bagaimana datuk Musa, seorang pencinta Ghazal dan pemuzik terpaksa menggunakan medium muzik moden (band) untuk menyelamatkan warisan muzik tradisional Melayu, Ghazal. Dulu terdapat beberapa kumpulan Ghazal tetapi sekarang kumpulan tersebut tidak lagi aktif kerana pemuziknya sudah berusia dan tiada generasi baru untuk meneruskan legasi ini. Pendekatan beliau agak unik kerana ia tidak menolak muzik moden yang disayangi oleh generasi muda tetapi memilih menggunakan muzik moden untuk mendekati mereka kepada Ghazal. Ternyata, hubungan irama simbiotik telah membantu menyelamatkan muzik tradisional Ghazal.
<b>Anugerah Khas Penyampai</b>	Labuan Sek Keb Pekan Dua (primary school)	<b>“Ejen: 007”</b> Video ini menerangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengumpul skrap untuk meneruskan rutin pembersihan mereka. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab membuatkan kerja mereka menjadi lebih sukar. Ini adalah halangan terbesar dan cabaran untuk mereka. Kami telah mencuba yang terbaik untuk memberi gambaran yang jelas tentang kehidupan harian pekerja-pekerja ini. Kami akan menunjukkan bagaimana mereka mengorbankan kegembiraan mereka untuk memberikan kita keselesaan tetapi ianya semua sia-sia. Kami berharap video ini dapat meningkatkan kesedaran tentang tempat pembuangan sampah di kalangan masyarakat kita. Kita perlu sedar akan tanggungjawab kita untuk membantu mereka mengekalkan persekitaran yang bersih. Kita harus menyokong, menghormati perasaan dan meringankan beban mereka untuk kebaikan kita sendiri.

<b>Anugerah Khas Kreativiti</b>	Johor Sek Men Keb Dato' Bentara Luar Batu Pahat (secondary school)	<b>“Caveman To Modern Man”</b> Bagaimanakah komunikasi berkembang? Ia bermula dengan manusia yang tinggal di gua (cavemen). Percubaan pertama Homo Sapiens untuk menyebarkan maklumat adalah dalam bentuk lukisan. Tidak lama kemudian, api telah ditemui dan manusia mula menggunakan isyarat asap. Kemudian, manusia menggunakan tanduk, gendang dan loceng untuk berkomunikasi. Penunggang pos telah digunakan untuk menyampaikan mesej daripada Raja. Tidak dilupakan, merpati serta telegraf menyusul. Telefon dan telefon bimbit telah dicipta tidak lama kemudian. Kini, kita hidup selesa kerana komunikasi semakin mudah dan cepat, terima kasih kepada 'cavemen' yang tahu betapa pentingnya untuk kekal berhubung dengan sesama manusia.
<b>Anugerah Khas Konsep</b>	Sabah Sek Men La Salle Kot Kinabalu (secondary school)	<b>“Tagal”</b> Video ini memaparkan dokumentari tentang 'Tagal' dan kepentingannya, dan perlindungan sungai semula jadi di Sabah. Ia meliputi sistem pengurusan sungai berasaskan komuniti di mana kampung-kampung di Sabah mengukuhkan kawalan ke atas penangkapan ikan di sepanjang sungai di bawah jagaannya. Dokumentari ini mendedahkan bagaimana beberapa kampung di Sabah berjaya mencapai kemampanan dalam pengurusan sungai mereka melalui 'Tagal'. Dokumentari ini turut mempromosi potensi 'Tagal' sebagai produk eko-pelancongan disamping peranan yang dimainkannya dalam pemuliharaan sungai-sungai kita dan mengimbangkan ekosistem. 'Tagal' adalah satu amalan yang unik di Sabah dan harus dihebahkan ke seluruh negara juga diperingkat global.

### **Tentang Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah sebuah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaankesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Perhubungan Media: Azizah Wahid  
 Pengurus Besar, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan  
 Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857  
 Mobile: 019 217 2730  
 Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

###